



27 NOV, 2022

NMB lancar Synergy 10AS Nano

Mingguan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

NMB lancar Synergy 10AS Nano

KUALA LUMPUR: NanoMalaysia Bhd (NMB) mengumumkan pelancaran cecair penggerudian revolusi dan berpaten untuk penggunaan dalam industri minyak dan gas yang dikenali sebagai Synergy 10AS Nano.

Dalam kenyataan pada kelmarin, NMB menjelaskan pelancaran itu dibuat selepas menjalani fasa ujian dan pembangunan selama empat tahun, sejajar dengan Dasar Tenaga Negara untuk mengurangkan pelepasan karbon melalui peningkatan kecekapan tenaga.

Aditif kehilangan bendalir berasaskan Grafen-Karboksimetil Kanji Sagu (Grafen-CMSS) ialah pengganti yang inovatif, hijau dan cekap kos kepada aditif yang tersedia secara komersial.

Projek Grafen-CMSS adalah kerjasama antara NMB, MY Synergy Factors (M) Sdn Bhd dan Universiti Teknologi Petronas dengan pelaburan kira-kira RM1.75 juta di bawah Pelan Tindakan Grafen Kebangsaan 2020.

"Synergy 10AS Nano di-

bangunkan untuk menyelesaikan kos operasi penggerudian yang tinggi bagi mengawal ciri kehilangan bendalir bagi penggerudian bendalir (DF) pada tekanan tinggi, suhu tinggi (HPHT) dan permintaan pelanggan untuk produk aditif kehilangan DF HPHT pada harga yang kompetitif.

"Synergy 10AS Nano menjadikan Piawaian Teknikal Petronas sebagai tanda aras, terbukti berprestasi baik di bawah keadaan geoterma 175 darjah Celsius hingga 350 darjah Celsius dan meningkatkan reologi dan penapisan ciri kehilangan. Ia juga boleh menjadi sehingga 40 peratus lebih murah daripada pesaingnya," jelas NMB.

Kapasiti pengeluaran semasa adalah sehingga 10 tan sebulan dan jangka masa terdekat, usaha niaga ini akan menumpukan projek penggerudian tempatan yang utama, pasaran tersedia khusus dengan kadar pertumbuhan tahunan lima hingga lapan peratus dan bernilai sekitar RM350 juta.

— Bernama



27 NOV, 2022

NMB lancar Synergy 10AS Nano

Mingguan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: NanoMalaysia Bhd (NMB) mengumumkan pelancaran cecair penggerudian revolusi dan berpaten untuk penggunaan dalam industri minyak dan gas yang dikenali sebagai Synergy 10AS Nano. Dalam kenyataan pada kelmarin, NMB menjelaskan pelancaran itu dibuat selepas menjalani fasa ujian dan pembangunan selama empat tahun, sejajar dengan Dasar Tenaga Negara untuk mengurangkan pelepasan karbon melalui peningkatan kecekapan tenaga.